



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A 2017/10/60 (HQ)

TNB METERAI MOU DENGAN ELIA, ANTARA PENGENDALI SISTEM PENGHANTARAN TERBESAR DI EROPAH

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Elia System Operator SA, antara pengendali sistem penghantaran terbesar di Eropah, untuk kerjasama strategik perkongsian amalan terbaik dalam pembangunan kapasiti.

Tersenarai dalam bursa saham Euronext Brussels, Elia adalah pengendali sistem penghantaran yang menyediakan perkhidmatan kepada 30 juta penduduk di Belgium dan Jerman Timur. Ia memiliki talian voltan tinggi sepanjang 18,000 km merentasi Belgium dan Jerman, selain kapasiti terpasang dalam tenaga boleh diperbaharui (RE) sebanyak 30,000 Megawatt (MW).

MoU antara TNB dan Elia, antara lain meliputi kerjasama dalam pengurusan aset, sistem rentas sempadan dan operasi pasaran, pembangunan grid, kajian rangkaian dan integrasi RE.

Kedua-dua pihak juga akan saling bertukar maklumat teknikal seperti melalui laporan tahunan, penyelesaian masalah, lawatan teknikal, lawatan belajar dan program-program latihan yang diperlukan.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata TNB telah mencadangkan 13 projek kerjasama di bawah MoU dua tahun ini, yang boleh dipanjangkan untuk tempoh setahun lagi.

Satu daripada projek kerjasama yang dicadangkan ini akan memberi manfaat kepada peranan TNB dalam inisiatif ASEAN Power Grid (APG) serantau, katanya semasa pertukaran dokumen yang disaksikan oleh Duta Belgium ke Malaysia, Tuan Yang Terutama, Danial Dargent. Ucapan Ir. Azman dibacakan oleh Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

Semasa Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga Asean ke-35 yang diadakan di Manila baru-baru ini, satu kejayaan penting telah dicapai oleh APG apabila TNB, Lao's Electricite du Laos (EDL) dan Thailand's Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT) menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga (EPWA).

Menurut Ir. Azman, MoU itu kena pada masanya, selaras dengan pelaksanaan projek Advanced Metering Infrastructure (AMI) TNB dan penerokaan RE-nya, di dalam dan luar negara.

Ketua Pegawai Infra Elia Group, Markus Berger, yang juga Pengerusi Elia Grid International, dalam ucapannya berkata, di bawah MoU itu, Elia menawarkan kepakarannya sebagai rakan utama TNB dalam mencapai visinya dalam pembangunan korporat dan negara.

"Elia yakin bahawa kerjasama antarabangsa dan pertukaran kepintaran inovasi adalah penting untuk kejayaan. Kuncinya adalah bekerjasama untuk menghasilkan yang lebih baik," katanya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2017 at 6:30pm

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke media@tnb.com.my*